



Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542

## **KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI SEMASA PANDEMIK H1N1 DI MALAYSIA 2010 Sehingga 2 April 2010**

Sehingga jam 5.00 petang 2 April 2010, jumlah kes ILI yang masih dirawat di hospital di seluruh negara adalah 351 kes, berkurangan 29 kes berbanding bilangan (380 kes) pada 1 April. Dari jumlah tersebut, 28 orang pesakit atau 8.0% merupakan kes Influenza A(H1N1) yang disahkan melalui ujian makmal. Lima (5) kes yang mempunyai faktor risiko dirawat di Unit Rawatan Rapi.

Tidak ada kluster baru pesakit dengan gejala “Influenza-like Illness (ILI)” yang dilaporkan sehingga pukul 9.00 pagi hari ini (3 April 2010). Jabatan Kesihatan Daerah berkenaan telah mengambil tindakan-tindakan perlu bagi mengawal 10 kluster yang dilaporkan semalam termasuk memberi rawatan ubat antiviral bagi mereka yang menunjukkan gejala ILI disamping nasihat meningkatkan amalan kebersihan diri dan tinggal dirumah dan tidak ke sekolah sehingga benar-benar sembuh. Tindakan proaktif juga diambil bagi menyiasat semua kes-kes yang disyakki. Umpamanya 8 pelajar dari Sekolah Menengah Ampang Pecah yang mengadu sakit tekak pada 31 Mac telah dirujuk ke Hospital Kuala Kubu Baru telah disahkan bukan H1N1 hasil dari keputusan ujian makmal yang dilakukan. Pelajar-pelajar berkenaan telah diberi rawatan pesakit luar yang sewajarnya.

Merujuk kepada dua kematian yang dikaitkan dengan jangkitan H1N1 di Hospital Melaka yang dilaporkan pada 31 Mac dan 2 April, ia melibatkan dua beranak dalam satu keluarga. Kes pertama merupakan seorang wanita berumur 54 tahun yang merupakan seorang pesakit diabetes (kencing manis). Beliau telah dimasukkan ke wad pada 30 Mac dengan gejala ILI dan terus diberi rawatan Tamiflu. Ujian makmal mengesahkan beliau positif bagi H1N1. Namun begitu, beliau juga mengalami masalah kencing manis yang tidak terkawal, yang telah menyebabkan komplikasi “severe metabolic acidosis” akibat kegagalan

buah buah pinggang, jangkitan kuman lain (sepsis) dan kencing manis yang tidak terkawal tersebut. X-ray paru-paru tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda pneumonia untuk dikaitkan dengan H1N1. Oleh itu kematian beliau adalah disebabkan secara langsung oleh komplikasi kencing manis.

Anak beliau berumur 29 tahun yang sedang mengandung 36 minggu turut dimasukkan ke hospital pada hari yang sama dengan tanda-tanda kelemasan bayi dalam kandungan (Foetal Distress Syndrome). Dalam pada yang sama beliau turut menunjukkan gejala ILI dan disahkan positif H1N1. Rawatan Tamiflu dimulakan dan bagi menyelamatkan bayi, pembedahan dilakukan pada hari yang sama. Selepas pembedahan beliau terus dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi tetapi telah mengalami komplikasi dan meninggal dunia semalam (2 April) akibat "Adult Respiratory Distress Syndrome". Ujian terhadap bayi beliau adalah negatif untuk H1N1 namun begitu bayi tersebut sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi untuk pengawasan rapi memandangkan beliau tidak cukup bulan. Keadaan bayi tersebut setakat ini adalah stabil.

Kes kematian ini menunjukkan betapa penting mereka-mereka yang mempunyai faktor-faktor risiko seperti penyakit-penyakit kronik seperti kencing manis, penyakit asma dan penyakit paru-paru lain, mereka yang memerlukan dialisis, kanak-kanak dan ibu mengandung perlu bersegera mendapat rawatan jika terdapat gejala ILI iaitu demam yang tinggi (melebehi 38°C) yang disertai dengan batuk dan lain-lain gejala seperti selsema dan sakit kepala. Rawatan awal dengan dengan ubat Tamiflu sangat berkesan dan dapat mengelakkan dari berlakunya komplikasi. Kelewatan menerima rawatan khusus tersebut menjejaskan keberkesanan ubat Tamiflu dan mengundang berlakunya komplikasi.

Dalam pada masa yang sama Kementerian ingin menyeru mereka-mereka yang mempunyai faktor risiko yang belum mendapat pelalian, untuk bersegera mendapatkan pelalian Influenza A H1N1 yang diberikan secara percuma di 104 buah kemudahan kesihatan di seluruh negara. Senarai penuh klinik-klinik tersebut boleh diperolehi di laman sesawang di alamat berikut:- <http://www.moh.gov.my>. Begitu juga anggota-anggota barisan hadapan di semua hospital dan klinik kesihatan, anggota polis, bomba dan imigresyen yang belum mendapat pelalian tersebut, untuk menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah terdekat untuk mendapatkan

pelalian tersebut. Seperti yang diumumkan sebelum ini, oleh kerana vaksin adalah terhad, prinsip “siapa dulu dia dapat” akan digunakan.

Kementerian Kesihatan juga ingin menjelaskan, walaupun bilangan kejadian kluster ILI kelihatan sedikit meningkat di minggu-minggu kebelakangan ini, keadaan masih lagi terkawal. Namun begitu, kerjasama seluruh anggota masyarakat amat penting bagi mengekang penularan jangkitan dan mengelaknya daripada menjadi wabak yang tidak terkawal. Saranan-saranan Kementerian Kesihatan sebelum ini dalam menjaga kebersihan diri, etika batuk dan mengelakkan penularan perlu dipatuhi. Antara lain:-

- Murid-murid sekolah dan universiti yang menunjukkan gejala ILI hendaklah segera mendapatkan rawatan. Jika tidak dimasukkan ke wad, mereka janganlah ke sekolah atau universiti dan hendaklah tinggal di rumah sehingga benar-benar sembuh.
- Mereka yang menunjukkan gejala ILI juga janganlah pergi ke tempat-tempat tumpuan awam.
- Guna topeng muka untuk mengelakkan dari menjangkiti anggota keluarga dan orang lain.
- Sentiasa menjaga etika batuk dengan menutup mulut dan hidung menggunakan sapu tangan atau tisu dan buang tisu dalam tong sampah selepas digunakan. Jangan sesekali berkongsi sapu tangan atau peralatan lain dengan orang lain.
- Selalu basuh tangan dengan sabun dan air. Sanitiser juga boleh digunakan.
- Minum banyak air, makan makanan seimbang dan pastikan tidur secukupnya.

Sekian, terima kasih.

**DATO' SERI LIOW TIONG LAI**  
Menteri Kesihatan Malaysia

3 April 2010